



**MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER  
MANUSIA  
(Human Resources Development  
Council)  
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA  
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT  
DAMANSARA  
50490 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

---

**PEKELILING MAJIKAN BIL. 15 /2000**

**TARIKH AKHIR PENERIMAAN BORANG TUNTUTAN GERAN LATIHAN BAGI  
LATIHAN YANG TAMAT DIJALANKAN DALAM TAHUN 2000**

---

**1. TUJUAN**

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan majikan mengenai tarikh **26 Disember 2000** sebagai tarikh akhir penerimaan borang tuntutan geran latihan bagi latihan yang tamat dijalankan dalam tahun 2000.

**2. TARIKH AKHIR PENERIMAAN TUNTUTAN**

- 2.1 Bagi membolehkan pembayaran balik dibuat untuk program-program latihan yang dijalankan pada tahun ini, **majikan adalah diminta untuk mengemukakan borang tuntutan geran latihan lengkap dengan dokumen sokongan sebelum 26 Disember** agar ianya dapat diterima oleh Majlis sebelum 31 Disember 2000 dan bayaran geran latihan dapat dilakukan pada minggu pertama bulan Januari 2001.
- 2.2 Walau bagaimanapun, **bagi latihan yang tidak sempat dituntut** pada tarikh tersebut disebabkan oleh masalah-masalah tertentu, majikan adalah dibenarkan untuk mengemukakan borang tuntutan geran latihan berkenaan selewat-lewatnya pada **30 Jun 2000**.

**3. PRA-SYARAT KELULUSAN**

- 3.1 Dalam apa jua keadaan, kelulusan untuk mendapatkan bayaran geran latihan ini masih lagi tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis seperti berikut: -
- 3.1.1 majikan **tidak mempunyai bayaran levi yang tertunggak** bagi mana-mana bulan dan segala **faedah** yang dikenakan keatas levi yang lewat dibayar **telah dijelaskan** kecuali majikan memilih untuk meng*offset*kan kedua-dua tunggakan dan faedah ini daripada geran latihan yang akan diterima; dan
- 3.1.2 borang tuntutan yang dikemukakan hendaklah diisi dengan lengkap beserta dengan dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan. Mana-mana **dokumen sokongan yang disertakan dalam bentuk salinan hendaklah disahkan mengikut format Majlis**.

**4. PENUTUP**

- 4.1 Majikan adalah diminta untuk mematuhi Pekeliling ini sepenuhnya bagi mengelakkan tuntutan geran latihan bagi latihan yang tamat dijalankan

- dalam tahun 2000 tidak dapat diluluskan untuk bayaran.
- 4.2 Tuntutan yang diterima selepas 30 Jun 2001 dianggap tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Majlis dan tidak layak untuk menerima bantuan kewangan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia.

5. **PERTANYAAN**

- 5.1 Majlis bersedia membantu majikan untuk menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi berkaitan dengan tuntutan geran latihan. Pegawai-pegawai yang boleh dirujuk adalah berikut: -

Hashim Bin Mustafa (03-2584841)

Noor Azita Binti Mohd Noor (03-2584864)

Sekian dimaklumkan. Terima Kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"LATIHAN BERTERUSAN PEMANGKIN KECEMERLANGAN"**

Saya yang menurut perintah,

**(AMIRNUDDIN BIN MAZLAN)**

Pengarah Kewangan

b.p Ketua Pengarah

Majlis Pembangunan Sumber Manusia

